

Gaharu buka peluang ekonomi



KUALA LUMPUR 11 Sept. – Kerajaan mahu memajukan industri gaharu bagi memenuhi permintaan global yang tinggi sekali gus menjadi penyumbang kepada ekonomi negara.

Industri ini berpotensi memberikan pulangan yang besar kerana pengeluaran gaharu semasa dunia hanya boleh menampung 20 peratus daripada permintaan global.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd. Yassin (**gambar**) berkata, pihaknya akan melakukan penyelarasan bagi memajukan industri tersebut.



"Kita akan cuba menjadi salah sebuah negara pembekal gaharu terbesar dan berkekalan bagi memenuhi permintaan global.

"Pihak kami juga mengalu-alukan pengusaha yang berminat dan bersedia memberi khidmat nasihat," ujarinya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan majlis 'Persidangan Gaharu Kebangsaan 2007' di sini, hari ini.

Persidangan selama satu hari itu, dijangka dapat memaklumkan status terkini perladangan serta menjadi platform bagi pertukaran buah fikiran dalam merealisasikan industri itu.

Aspek-aspek sumber, perladangan, penyelidikan, perdagangan dan penguatkuasaan turut dibincangkan pada persidangan tersebut.

Ia menjadi forum bagi penyelidik dari sektor kerajaan mahupun swasta dan badan perseorangan yang ingin mendalami industri gaharu.

Seramai 200 peserta terdiri daripada pengusaha industri dan pegawai-pegawai agensi kerajaan terlibat dalam perdagangan gaharu menyertai persidangan itu.